

## KUPU SB, UBD johan Kejohanan Futsal Jemputan IPT

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hamzah Mohidin

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 18 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) masing-masing muncul johan bagi Kategori Pelajar dan Kategori Staf pada Kejohanan Futsal Jemputan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Pesta Konvo UBD 2022 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UBD, di sini.

Sementara itu bagi Kategori Pelajar kejohanan berkenaan, naib johan disandang oleh UBD, dan Politeknik Brunei (PB) menduduki tempat ketiga.

Bagi Kategori Staf pula, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA) menduduki tempat kedua, diikuti dengan Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan di tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kefli.

Kejohanan Futsal Jemputan IPT berkenaan diadakan bagi memeriahkan lagi Pesta Konvo UBD 2022, di samping dapat memperkukuhkan silaturahim antara penganjur dengan pemain staf dan pelajar IPT yang dijemput.

Selain itu, ia juga dapat mengenal pasti pemain futsal dalam kalangan pelajar dan staf bagi mewakili universiti

masing-masing ataupun Kementerian Pendidikan bagi pertandingan nasional dan juga antarabangsa.

Dianjurkan oleh Unit Kegiatan Luar dan Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD dan disokong oleh Persatuan Mahasiswa Mahasiswi UBD.

Kejohanan berkenaan dipertandingkan secara liga (pusing keliling), dan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Pelajar dan Kategori Staf.

Sebanyak enam buah pasukan menyertai kejohanan berkenaan yang terdiri daripada UBD, UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB), KUPU SB, PB dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyampaikan piala kepada pasukan UBD selaku johan Kategori Staf pada Kejohanan Futsal Jemputan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Pesta Konvo UBD 2022.